



Kertas 1

Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Oleh sebab cahaya matahari dari luar tidak dapat menembusi bilik itu, suasana di dalam bilik itu kelihatan _____.
A cerah
B lemah
C kelam
D terang
- 2 Sampan di muara sungai itu _____ kerana dipukul ombak.
A terolang-alang
B terkapai-kapai
C terapung-apung
D terhuyung-hayang

Soalan 3

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 3 Aminah membeli beberapa tangkai A
petai, sesisir pisang dan lima tongkol C
B
jagung di pasar tani. Tiada kesalahan. D

Soalan 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 4 Cikgu Raisyah menasihati pelajarnya agar menabung demi masa depan mereka.
A pada masa depan mereka
B dalam masa depan mereka
C antara masa depan mereka
D demi masa depan mereka

Soalan 5

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 5 Encik Leong memberikan wang belanja kepada Samuel untuk membeli buku.
A Samuel meminta wang belanja Encik Leong untuk membeli buku.
B Samuel mendapat wang belanja daripada Encik Leong untuk membeli buku.
C Encik Leong mendapat wang belanja daripada Samuel untuk membeli buku.
D Samuel dan Encik Leong mendapat wang belanja untuk membeli buku.